

# pGURU ANJUR BENGKEL MUET

Seramai 170 orang pelajar Universiti Malaysia Sabah telah mengikuti program Bengkel MUET anjuran Exco Akademik dan Kepimpinan, pGURU pada 21 Mac 2009 bertempat di Dewan Kuliah Pusat 1. Bengkel sehari ini disertai oleh pelajar dari pelbagai sekolah di UMS. Program pada kali ini telah menjemput tiga orang penceramah iaitu En. Lourdes Nagarajan dari Institut Perguruan Malaysia Kampus Gaya, En. Florence Selvestian dari SM Teknik dan Puan Suzie Wong@Suzie Rahman dari Akademi Pengajian Bahasa, UiTM cawangan Sabah. Objektif utama penganjuran bengkel ini adalah memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan panduan dan maklumat terperinci tentang peperiksaan MUET yang bakal diduduki. Melalui bengkel seperti ini pastinya dapat meningkatkan penguasaan dan prestasi bahasa inggeris terutamanya kepada pelajar UMS.

**'Objektif utama penganjuran bengkel ini adalah memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan panduan dan maklumat terperinci tentang peperiksaan MUET'**